

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(DEWAN RAKYAT)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) usaha Kerajaan dalam membuat pindaan terhadap Akta Perihal Dagangan 2011 berkaitan penguatkuasaan terhadap pengusaha restoran Muslim dan hotel-hotel dalam isu sijil pengesahan halal; dan
- (b) langkah-langkah untuk mengawal status halal restoran-restoran, kelab-kelab golf dan hotel-hotel yang mempromosikan bufet Ramadhan bagi memastikan penyediaan makanan tersebut benar-benar halal.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan selia berkaitan industri halal dijalankan berdasarkan peruntukan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) . Di bawah akta ini terdapat dua perintah khusus berkaitan halal iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Akta ini berfungsi mengawal selia pengeluaran sijil halal, penggunaan logo halal serta perbahasaan berkaitan halal dan juga mengawal selia segala aktiviti penjualan dan pengedaran produk / perkhidmatan halal. Seramai 204 orang pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah dilantik oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan bagi menjalankan penguatkuasaan berkaitan isu halal.

Berhubung dengan persoalan pindaan terhadap APD 2011, buat masa ini, Kerajaan berpandangan bahwa peruntukan APD 2011 ini sudah cukup berkesan untuk digunakan dalam penguatkuasaan isu halal di negara ini. Keberkesanan APD 2011 ini terbukti dengan bilangan kes pelanggaran akta ini berkaitan isu halal yang diambil tindakan pada tahun 2011 hingga April 2015 adalah sebanyak 82 kes. Di samping itu, satu kajian awal telah dilakukan oleh JAKIM dengan kerjasama Institut for Halal Research and Training (INHART) UIAM pada tahun 2014.

Kajian ini berkaitan 'Keberkesanan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 dalam Pengurusan dan Pentadbiran Hal Ehwal Halal serta Keperluan Pelaksanaan 'Akta Halal' di Malaysia'. Hasil kajian ini mendapati bahawa secara umumnya negara ini telah memiliki set undang-undang dan peraturan-peraturan yang mencukupi dalam mengawal selia produk halal. Oleh yang demikian, pindaan APD 2011 dan 'Akta Halal' yang baharu juga tidak perlu digubal buat masa ini. Namun demikian, penambahbaikan kepada aspek pengurusan, urus tadbir dan perundangan sedia ada perlu dilakukan.

- b) Mengenai langkah-langkah untuk mengawal status halal restoran-restoran, kelab-kelab golf dan hotel-hotel yang mempromosikan bufet Ramadhan, pemantauan secara berkala sentiasa dijalankan ke atas semua pengusaha restoran, kelab golf dan hotel yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Pemantauan dijalankan bagi memastikan setiap pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia sentiasa mematuhi prosedur dan piawaian halal yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya pengusaha restoran, kelab golf dan hotel yang tidak memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia tetapi menggunakan penandaan halal atau ungkapan yang memberi maksud restoran, hotel dan resort berkenaan adalah halal seperti iklan promosi "buffet Ramadhan", maka pemantauan dan penguatkuasaan akan dijalankan. Langkah penguatkuasaan ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sekian, terima kasih.